



TEKS UCAPAN

**Y.B. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH**

SEMPENA

**KONVOKESYEN
KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM) KE 16**

**TEMPAT : DEWAN BESAR UPM
TARIKH : 5 OKTOBER 2017 (KHAMIS)
MASA : 10.00 Pagi**

Salutasi

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. YB Datuk Alexander Nanta Linggi
Timbalan Menteri I KKLW**
- 3. YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub
Timbalan Menteri II KKLW**
- 4. Ybhg. Datuk Borhan bin Dollah
Ketua Setiausaha KKLW**
- 5. YB Datuk Zahidi bin Zainul Abidin
Pengerusi RISDA**
- 6. YB. Dato' Hj. Mohd Fasiah b. Hj. Mohd Fakeh
Pengerusi UCAM**
- 7. Ybhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA**
- 8. Ybrs. Prof. Datuk Dr. Faridah Hanam bt Mohd Rashid
Naib Canselor UCAM**
- 9. Ahli ahli Lembaga Pengarah UCAM.**

**10. Ahli-ahli akademik dari UPM, UiTM/CEO IPTS
Pegawai pegawai Kanan RISDA / UCAM**

11. Rakan – rakan Media

12. Ibu Bapa, Para Graduan, Tuan – Tuan dan Puan – Puan yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita semua dapat berkumpul di dewan ini bagi meraikan Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) ke-16 tahun 2017. Di sini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada warga kerja UCAM serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus dan memberikan sepenuh komitmen agar majlis yang penuh bermakna ini dapat direalisasikan pada bagi meraikan kejayaan para graduan.
2. Tahniah kepada para graduan kerana berkat daya usaha, kegigihan dan kesabaran dalam mengharungi alam pengajian, segala usaha dan pengorbanan saudara saudari sepanjang menjadi pelajar UCAM akhirnya telah berjaya membuaikan hasil. Pada hari yang bersejarah ini, saudara dan saudari diberi penghormatan untuk menaiki pentas ini bagi menerima sijil dan diploma masing-masing. Walau bagaimanapun, perjalanan untuk menimba ilmu tidaklah berakhir dengan graduasi saudara dan saudari dari UCAM. Proses pembelajaran dan menimba ilmu adalah satu proses dinamik yang berterusan di mana saudara saudari haruslah berfikiran terbuka dalam mempelajari sesuatu. Ambillah peluang ini untuk melatih

diri agar mampu menjadi individu yang dapat melihat dan menilai sesuatu keadaan dari pelbagai perspektif. Ilmu itulah yang akan menjadi bekalan hidup bagi para graduan untuk membina kecemerlangan kerjaya dan menabur bakti kepada agama, keluarga, bangsa dan negara.

3. Syabas dan tahniah juga kepada ibu bapa serta ahli keluarga yang telah menjadi tulang belakang dalam mekar sejarah peribadi dalam hidup mereka. Segala pengorbanan, usaha, sokongan serta dorongan haruslah diingati dan dihargai oleh anak-anak sebaik mungkin. Gunakanlah segala peluang untuk membalas semula segala usaha dan pengorbanan yang telah diberikan.

Para Graduan yang saya sayangi,

4. Luqman Al-Hakim pernah berkata, “Tuntutlah ilmu. Di saat kamu miskin, ia akan menjadi hartamu. Di saat kamu kaya ia akan menjadi perhiasanmu”. Kata-kata ini jelas menegaskan betapa penting dan

bernilainya sesuatu ilmu di dalam kehidupan kita. Namun begitu, haruslah kita ingat sebanyak mana pun ilmu yang dicari, jika tidak digunakan, ia akan terbiar dan akhirnya luput ditelan masa. Ilmu dan budaya ilmu adalah suatu proses yang dinamik yang berterusan dan ia merupakan satu komponen yang penting dalam proses pembangunan sahsiah diri, organisasi dan negara. Justeru, pendidikan dan penghayatan ilmu perlu sentiasa ditingkatkan dan dikukuhkan walaupun pengajian secara formal para graduan telah tamat di UCAM. Konvokesyen ini merupakan suatu titik permulaan bagi saudara dan saudari mengorak langkah ke tahap yang lebih tinggi dan memahami erti dan cara kehidupan berkerjaya. Bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kehidupan negara, tenaga kerja yang berdaya kreatif, berinovasi dan berintegriti amatlah diperlukan. Oleh yang demikian adalah diharapkan agar saudara dan saudari para graduan dapat terus mengambil peluang bagi meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan dalam bidang-bidang berkaitan pada masa-masa akan datang.

5. Selepas saudara dan saudari meninggalkan UCAM ini, para graduan akan memasuki suasana baru

yakni alam pekerjaan di mana cabaran dan persaingan adalah asam garam di dalam suasana tersebut. Bagi mereka yang akan memasuki alam pekerjaan sejurus sahaja meninggalkan UCAM ini, saudara dan saudari perlulah menyiapkan diri secara mental dan fizikal bagi memenuhi keperluan yang diminta oleh para majikan. Gunakanlah masa yang ada bagi mengasah dan menambah kemahiran dan pengetahuan para graduan agar dapat menjadi warga kerja yang efisien, kreatif dan inovatif. Saya juga yakin terdapat para graduan yang bakal melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Gunakanlah sepenuhnya masa dan usaha anda bagi mempelajari segala ilmu yang diajar dan elakkanlah dari mensia-siakan peluang yang telah diberikan kepada anda. Saudara dan saudarilah yang bertanggungjawab untuk mempersiapkan diri untuk meningkatkan jati diri sebagai insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Y.Bhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Puan dan Hadirin Sekelian,

6. Harapan saya terhadap para graduan adalah supaya saudara dan saudari tidak hanya mengfokuskan

pencarian peluang kerja di bandar-bandar besar semata-mata. Saya amat berbesar hati dan menghargainya jika para graduan sudi berkhidmat kepada masyarakat di luar bandar. Seiring dengan penubuhan dasar baru oleh Perdana Menteri kita, Dato' Seri Najib Tun Razak iaitu Dasar Transfarmosi Nasional 2050 atau TN50, beliau telah menegaskan betapa pentingnya pendapat dan idea-idea baru dari generasi muda dalam peningkatan kualiti negara dalam tempoh 30 tahun akan datang. Beliau jelas menekankan bahawa idea-idea baru darah-darah muda inilah yang bakal menjadi tonggak bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dalam dan luar bandar pada masa akan datang dan telah membuka peluang kepada generasi muda untuk menyuarakan pendapat mereka. Saya yakin dan percaya bahawa graduan sekalian telah diterapkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran kepimpinan, komunikasi dan pengurusan yang diperlukan bagi membangunkan modal insan masyarakat luar bandar. Seperti yang kita semua sedia maklum juga, di UCAM menawarkan kursus Diploma Pembangunan Luar Bandar (DPLB) yang mana kursus ini adalah satu-satu seumpamanya yang ditawarkan di dalam Malaysia dan ianya saya lihat bakal menjadi platform dalam melahirkan bakal-bakal pemimpin yang akan mengtransformasikan pembangunan luar bandar di Malaysia.

Saya difahamkan bahawa pelajar-pelajar kursus DPLB di UCAM ini amat aktif menjalankan program-program bersama penduduk-penduduk luar bandar bagi sama-sama mencari isu dan solusi serta penambahbaikan taraf hidup penduduk luar bandar. Justeru, saya menyeru lebih ramai lagi lepasan-lepasan SPM di luar sana merebut peluang menyambung pengajian di UCAM bagi kursus Diploma Pembangunan Luar Bandar ini agar Malaysia tidak akan ketandusan pakar di dalam proses membandarkan luar bandar. Dan saya berharap agar para graduan yang ada di sini mahupun di luar sana juga dapat bersama-sama membantu kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab sosial dalam menaik taraf hidup masyarakat luar bandar.

7. Berkaitan dengan program Diploma Pembangunan Luar Bandar, mulai tahun hadapan, saya menggalakkan agar semua Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) seramai 16,000 orang di seluruh negara berpeluang untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka sebagai pemimpin akar umbi dengan mengikuti kursus peringkat diploma di UCAM. UCAM juga telah

bersedia dengan modul yang bersesuaian kepada JKJKK ini.

8. Selain itu juga saya melihat potensi UCAM dalam membantu bagi membangunkan Malaysia sebagai Hub Halal dunia. Penubuhan hub halal adalah usaha bersepada daripada pelbagai pihak sektor industri meliputi farmaseutikal, makanan, kosmetik, pembungkusan, logistik dan perkhidmatan. Malah, ia telah menjadi visi dan misi kerajaan bagi merealisasikan Malaysia sebagai hub halal global menjelang 2020. Pasaran halal global yang dianggarkan melebihi AS\$2.3 trillion setahun menyediakan pelbagai peluang untuk diterokai dan dimanfaatkan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi Negara kita. Oleh yang demikian, kewujudan Halal Innovation Centre ataupun HALIC dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di UCAM dilihat sebagai satu langkah proaktif dalam menyediakan kursus-kursus HALAL bagi agensi-agensi atau pemilik syarikat perseorangan untuk mendapatkan status HALAL bagi produk-produk yang dipasarkan. Ini sejajar dengan pengiktirafan UCAM sebagai *Certified Training Provider* oleh JAKIM pada bulan Mei yang lalu untuk melaksanakan program latihan di dalam industri HALAL. Diharapkan

para graduan yang berada di sini pada hari ini terutamanya yang mengambil jurusan keusahawanan akan sentiasa peka dengan perkembangan industri HALAL di Malaysia dan sama-sama menyumbang ke arah memperkasakan industri HALAL ini.

Y.Bhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Puan dan Hadirin Sekelian,

9. Kita boleh lihat kini, seluruh dunia berada di ambang Revolusi Industri 4.0. Revolusi Industri 4.0 ini adalah industri yang lebih mementingkan robot automasi dan analisis data besar dalam pelaksanaan tugas sehari-hari. Oleh yang demikian, semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini termasuklah UCAM haruslah sama-sama mengambil peluang untuk menambahbaik serta memberi nilai tambah di dalam setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar bagi memenuhi kehendak pasaran yang dijangka bermula pada tahun 2021 ini. Pengukuhan program akademik Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik (STEM) dan juga pemerkasaan Sistem Pendidikan Teknikal & Latihan (TVET) adalah langkah yang dilihat amat wajar

kerana kedua-dua bidang ini akan membantu negara di dalam membentuk modal insan kearah pembentukan teknologi baru agar para graduan kita mampu menangani cabaran Revolusi Industri 4.0 pada masa akan datang.

10. Saya yakin dan percaya, UCAM juga mampu dalam membantu negara di dalam memperkasakan modal insan sebagai persiapan kearah Revolusi Industri 4.0 ini. Ini termasuklah dengan memberi peluang kepada para pelajar bagi menghasilkan sistem atau teknologi baru di dalam bidang pertanian yang dilihat bakal mendapat tempat dipasaran dunia suatu masa nanti. Selain itu juga, UCAM buat masa ini telahpun giat menjalankan program-program TVET serta STEM bagi mempersiapkan para pelajarnya dengan ilmu bagi mendepani cabaran masa depan yang dilihat bakal menjadi lebih kompetitif. Syabas saya ucapkan.

Y.Bhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Puan dan Hadirin Sekelian,

11. Sebagai nakhoda yang bertanggungjawab di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), saya amat berharap UCAM akan terus kukuh, dinamik dan maju dalam mewujudkan pelbagai peluang melanjutkan pelajaran kepada anak-anak bangsa. Kolej universiti ini tetap konsisten dalam usahanya menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selesa kepada para pelajarnya. Tahniah saya ucapkan kepada kolej ini dan pihak yang menjadi tulang belakangnya iaitu RISDA yang secara berterusan memberi tunjuk ajar dan nasihat bagi memastikan UCAM terus relevan di persada keilmuan negara.

12. Saya melihat bahawa UCAM ini mempunyai keistimewaan sendiri sebagai sebuah institusi pengajian berasaskan pertanian dan perladangan. Program-program yang ditawarkan telah berjaya melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang industri dan sektor. Diharapkan bahawa intitusi ini akan terus melahirkan graduan yang holistik serta generasi usahawan baru yang berpotensi untuk meningkatkan lagi kualiti industri dan sektor-sektor yang berbeza di dalam

negara ini di samping menerapkan nilai-nilai murni ke dalam diri mereka.

13. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan tahniah kepada tenaga kerja UCAM terutama para pensyarah yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Kesungguhan dan kegigihan anda semua telah dapat mendidik generasi muda yang mampu menyumbang kearah tahap produktiviti dan daya saing negara. Harapan saya adalah supaya semua tenaga kerja UCAM iaitu pihak pengurusan dan akademik dapat melipat gandakan usaha bagi membolehkan UCAM terus maju dan berjaya mencipta nama dipersada pendidikan tinggi negara terutama sekali sebagai IPTS yang terbaik di Malaysia.

Para Graduan Sekalian,

14. Saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi atas kejayaan saudara dan saudari dalam menamatkan pengajian anda di UCAM. Segulung sijil kini berada di dalam genggaman anda semua. Sentiasa tekadkan diri anda untuk menjadi individu yang terbaik. Gunakanlah setiap ruang dan peluang yang ada untuk

mempelajari sebanyak mungkin ilmu pengetahuan. Kemudian, aplikasikanlah segala ilmu yang telah anda pelajari untuk diri, keluarga dan masyarakat. Gunakanlah ilmu yang dimiliki sebaik-baiknya untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang.

Akhir kalam, saya mengucapkan selamat maju jaya dan tahniah khususnya kepada UCAM, warga kerjanya dan para graduan sekalian.

Sekian, wassalam.